



BERITA

EDISI KEEMPAT 2020 | 04

PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

JULAI - OGOS 2020 | ١٤٤١ھ - ١٤٤٢ھ

LAWATAN KERJA

YANG BERHORMAT DATO' SRI TUN IBRAHIM BIN TUN MAN
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

Majlis Menandatangani

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) DAN
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG**

5 Majlis Pelancaran Kempen
Johor Perangi Denggi

9 Program Townhall
Mesra Industri MPPG 2020

17 Bengkel Pelan Strategik
MPPG 2021-2025

ISI KANDUNGAN

- 3 Lawatan Kerja Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air.
- 4 Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- 5 Majlis Pelancaran Kempen Johor Perangi Denggi.
- 6 Lawatan Kerja YB Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Timbalan Ketua Setiausaha (DASAR) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- 7 Walkabout Bersama YB Tuan Vidyananthan A/L Ramanadhan, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Johor.
- 8 Majlis Jasamu Dikenang Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- 9 Program Townhall Mesra Industri MPPG 2020.
- 10-11 Lensa MPPG Julai-Ogos 2020.
- 12-13 EDISI KHAS : Kemeriahan Sambutan Hari Kebangsaan Ke 63 Malaysia Prihatin.
- 14 Pertandingan Keceriaan Bangunan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2020.
- 15 Lawatan Yang Berhormat Tuan Haji Ayob Bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2020.
- 16 Selamat Bersara.
- 17 Bengkel Pelan Strategik MPPG 2021-2025.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 LAMAN INFO : Notis Makluman Pembukaan Semula Aktiviti Pasar Malam Di Bawah Pengurusan Pihak Penganjur, FAMA Dan Peladang Bermula 5 Julai 2020.



AJK SIDANG REDAKSI 2020

PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

KETUA EDITOR

Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap
Setiausaha MPPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Encik Nik Masri bin Moharani
Pegawai Tadbir MPPG

PENGARANG

Encik Basar bin Kallil

PEMBERITA

Puan Nadztasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

DIREKTORI

JABATAN & UNIT MPPG

JABATAN / UNIT	NAMA	TELEFON
Yang Dipertua	Haji Zainor bin Adani	07-254 7701
Setiausaha	Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap	07-254 7702
Pembantu Khas Yang Dipertua/ Setiausaha Pejabat	Zanariah binti Haji Mohd Basri	07-254 7703
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan	Haji Adnan bin Abd Ghani	07-254 7781
Ketua Jabatan Kewangan	Mariaton binti Ibrahim	07-254 7710
Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Sr. Dr. Haji Mohd Ali bin Mohamed Abu Backer	07-254 7741
Ketua Jabatan Perancang Bandar	Haji Nor Rahman bin Mustaffa	07-254 7726
Ketua Jabatan Kawalan Bangunan	Abd Majid bin Saphie	07-254 7724
Ketua Jabatan Kejuruteraan	Haji Ismail bin Mat Taib	07-254 7714
Ketua Jabatan Penguatkuasaan	Haji Sharif bin Idros	07-254 7752
Ketua Jabatan Kesihatan Awam	Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab	07-254 7718
Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat	Hajah Rahamah binti Mahmood	07-254 7740
Ketua Unit Audit Dalaman	Abdul Malek bin Mohamed	07-254 7737
Ketua Unit Undang-Undang	Nurazam bin Razali	07-254 7723
Unit Korporat & Perhubungan Awam	Nik Masri bin Moharani	07-254 7705
Ketua Unit Pusat Sehenti	Sarimawati binti Misbari	07-254 7865
Ketua Cawangan Pesuruhjaya Bangunan	Siti Nurashikin binti Abdul Rahman Tan	07-254 7872

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN MPPG

PEJABAT CAWANGAN	NAMA	TELEFON
Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Hajah Roslina binti Mohd Othman	07-251 7912
Pengurus Sarang Buaya	Abdul Malek bin Aziz	07-251 7208
Pengurus Yayasan Pasir Gudang	Shahrul Akmal bin Johari	07-254 7768
Muzium Layang-Layang	Nur Lina binti Abdul Karim	07-252 7796
Seramik Pasir Gudang	Mohd Junaidi bin Sahlan	07-252 8255
UTC Pasir Gudang	Mohd Shariman bin Shai In	07-255 6910
Pejabat Cawangan MPPG Jalan Gunung Seri Alam	Haji Sharif bin Idros	07-387 1025 07-387 1026 07-387 1027

PEJABAT AM

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel : 07-254 7777 / 251 3720 Faks : 07-251 5260

Sebarang maklum balas atau pandangan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MPPG hubungi kami melalui saluran di bawah :



07-254 7777



mppg@johor.gov.my



013-377 1710



MPPG : SISPA
mppg.spab.gov.my



07-251 5260



Majlis Perbandaran
Pasir Gudang



Kedatangan YB Menteri Alam Sekitar dan Air telah disambut oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani.

MPPG TELAH MENERIMA LAWATAN dari Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air pada 19 Julai yang lalu. Hadir sama dalam lawatan ini ialah, Ybhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Puan Norlin binti Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia serta Dr. Mohd Famey bin Yusoff, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor.

Lawatan dimulakan dengan taklimat dari Jabatan Alam Sekitar (JAS), seterusnya lawatan ke pejabat JAS Cawangan Pasir Gudang yang terletak di Aras 1, Menara Aqabah. YB Menteri seterusnya telah dibawa melawat ke Sungai Kim-Kim Pasir Gudang, Stesen *Photo Ionisation Detector* (PID) dan Stesen Meteorologi yang terletak di Stadium Perbandaran Pasir Gudang. Sesi Lawatan diteruskan ke Stesen *Mobile Gas Chromatography Mass Spectrometry* (GCMS) dan Stesen *Gas Chromatography with Flame Ionization Detector* (GCFID) yang berada bersebelahan di Perpustakaan Awam Pasir Gudang.

Lokasi terakhir dalam lawatan kerja ini ialah UTC Pasir Gudang, YB Menteri telah dibawa melawat pejabat UTC yang terletak di aras 2, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang. Seterusnya delegasi lawatan bersama YB Menteri telah dibawa ke jamuan minum petang. Lawatan berakhir pada jam 4.00 petang.



YB Menteri melawat pejabat JAS di Aras 1, Menara Aqabah.



Sesi fotografi selepas tamat taklimat lawatan yang diadakan.

Majlis Menandatangani

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) DAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

DI ATAS PERSAHABATAN DAN KERJASAMA, GALAKAN PERSEFAHAMAN, BERSAMA AKADEMIK KEBUDAYAAN DAN PEMIKIRAN SAINTIFIK SERTA PERTUKARAN KAKITANGAN



SATU MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) antara Universiti Teknologi Mara dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah diadakan pada 30 Ogos yang iaitu bertempat di Dewan Cempaka Menara Aqabah. Memorandum telah ditandatangani oleh Tuan Haji Zainor bin Adani Yang Dipertua MPPG, dari pihak MPPG dan Professor Dr. Haji Ismail bin Ahmad, Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor dengan disaksikan ahli-ahli pengurusan eksekutif kedua-dua belah pihak di Menara Aqabah.

Hadir sama dalam majlis ini Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni UiTM Cawangan Johor, Ahli-Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap Setiausaha MPPG serta ketua-ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit MPPG.

MOU ini akan memberi tumpuan terhadap aspek-aspek pembangunan professional, akademik dan projek-projek bersifat keusahawanan dan kelestarian alam sekitar. Ini termasuklah projek edukasi solar di kampus Pasir Gudang yang bakal memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak disamping memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dan memberi pendedahan berkenaan proses penjaan kuasa tenaga solar kepada masyarakat sekeliling. Selain itu, MOU ini menumpukan usaha mewujudkan persefahaman hubungan khidmat komuniti bagi menyediakan ruang kursus dan latihan yang relevan kepada penuntut, disamping peluang tajaan

untuk melanjutkan pelajaran bagi warga MPPG di UiTM dan kerjasama dalam bidang berpotensi yang dipersetujui dari masa ke semasa. Dengan termeterainya persefahaman ini, maka lebih banyak kerjasama akan dapat dijalankan pada masa akan datang.

Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani juga berkata “Kemampuan serta kepakaran dimiliki UiTM akan menjayakan kerjasama tersebut. Katanya, MPPG melihat UiTM mempunyai pelbagai kepakaran yang mantap dan pihaknya yakin kolaborasi itu akan mendatangkan *input* dan impak positif terhadap kedua-dua pihak”. “Antara projek lain yang bakal diusahakan bersama-sama adalah Projek Sungai Angkat, Khidmat Komuniti Pelajar, Imam Tahfiz UiTM dan Taman Komuniti Pasir Gudang,” katanya lagi.



Memorandum yang telah ditandatangani oleh kedua belah pihak UiTM dan MPPG.



MAJLIS PELANCARAN **KEMPEN JOHOR** **PERANGI DENGGI**



MAJLIS TELAH DIRASMIKAN oleh Yang Amat Berhormat, Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor bertempat di Dewan Taman Mawar Pasir Gudang. Hadir sama dalam majlis ini ialah YB Tuan Vidyananthan A/I Ramanadhan, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya serta YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Jumlah kes sebanyak 7,409 demam denggi di negeri Johor sehingga Ogos lalu menjadikan negeri Johor yang ketiga tertinggi kes demam denggi selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan. Bilangan kes kematian juga telah meningkat dengan 28 kematian berbanding 18 kematian pada tahun 2019. Pelancaran kempen Johor Perangi Denggi ini dilihat sebagai satu komitmen dari Kerajaan Negeri Johor bersama Jabatan Kesihatan Negeri Johor juga Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengurangkan kadar kes denggi di Negeri Johor. Selain taklimat oleh Pemimpin Advokasi Denggi (I-PAD), majlis turut dimeriahkan dengan *booth* interaktif I-PAD yang merangkumi info berkaitan denggi dan aedes.

Tiga objektif utama dalam menjayakan kempen ini ialah ; Memperkasa semua agensi jabatan dan masyarakat, memperkukuh kolaborasi bersepadu antara agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap kebersihan dan kesihatan di peringkat negeri, daerah dan komuniti serta memperkukuhkan tanggungjawab bersama setiap ahli masyarakat untuk bersama-sama menjaga kebersihan di kawasan masing-masing. Kempen ini turut mengambil pendekatan advokasi dan mobilisasi sosial melalui pemerkasaan komuniti (*Community Engagement*) di mana ia akan digerakkan melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah dengan Pegawai Daerah sebagai penggerak utama.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor merasmikan Kempen Johor Perangi Denggi di Dewan Taman Mawar Pasir Gudang.



Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dibawa melawat 'booth' pameran info mengenai aedes dan denggi.

5 Pengisian telah disusun dalam menjayakan kempen ini iaitu :

- » Program *One Hour Johor Clean Up* dan *Community Dengue Watcher* (CDW) di mana pihak PBT sebagai agensi pemain utama kempen.
- » Inisiatif Pemimpin Advokasi Denggi atau (I-PAD) kolaborasi bersama ADUN atau Ahli Parlimen.
- » Kempen Rumahku Bersih Bebas Aedes (RBBA), kolaborasi bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor.
- » Program COMBI Combat Aedes (PCCA) dan Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes diketuai oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor.
- » Program Masjid Bebas Denggi kolaborasi bersama Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Masyarakat diseru sentiasa mementingkan tahap kebersihan. Luangkan 10 minit sahaja dalam seminggu bagi aktiviti memusnahkan bekas air tempat pembiakan nyamuk serta membersihkan kawasan dalam dan luar rumah.



LAWATAN KERJA

YANG BERHORMAT DATUK DR MARY WONG LAI LIN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)



Yang Berhormat melawat ke tapak projek yang telah selesai pembinaanya.

MPPG TELAH MENERIMA LAWATAN RINGKAS dari Yang Berhormat Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 6 Julai yang lalu. Yang Berhormat hadir bagi mengadakan lawatan secara ringkas ke beberapa lokasi tapak projek di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) KPKT yang bermula pada awal tahun 2020 dan telah siap sepenuhnya.

Antaranya ialah Gelanggang Futsal Taman Mawar, Pondok Bas Jalan Persiaran Dahlia 2, Gelanggang Futsal Jalan Sekuntum dan Rumah Pangsa Taman Flora Height. Hadir sama dalam sesi lawatan ini, En. Hisham Azlin bin Zainun, Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Pembangunan, KPKT, Puan Samilah binti Mahsuri, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap, Setiausaha MPPG serta En. Abdul Majid bin Sapihe, Ketua Jabatan Bangunan MPPG.





BERSAMA YANG BERHORMAT TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN, PENGURUSI JAWATANKUASA KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR



Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Johor dibawa melawat kawasan flat Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam.

SATU PROGRAM WALKABOUT bersama Yang Berhormat Tuan Vidyantanthan A/L Ramanadhan, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Johor telah diadakan di Flat Tasek Seri Alam, Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Antara agensi yang terlibat ialah, pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Jawatankuasa Penduduk Zon Tasek 64, Bandar Seri Alam serta Jawatankuasa Penduduk Zon Seri Alam. Objektif program diadakan adalah bagi membanteras kes demam denggi yang kian meningkat di Pasir Gudang, khususnya di kawasan Tasek 64 yang mencatat kes demam denggi yang membimbangkan. Sesi *walkabout* dimulakan dengan rondaan sekitar kawasan flat Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam bersama Yang Berhormat Exco, turut serta dalam sesi *walkabout* ini, Dr. Shaharom Nor Azian binti Che Mat Din, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr. Norashikin binti Mahdan, Pegawai Kesihatan Daerah Johor Bahru serta En. Alex Puspah, Ahli Majlis MPPG.



Majlis Jasamu Dikenang

AHLI MAJLIS

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



BAGI MENGHARGAI SUMBANGAN DAN JASA, Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang yang telah berkhidmat bagi tempoh 2018 hingga 2020, satu majlis penghargaan telah diadakan bertempat di Tanjung Puteri Golf Resort, Pasir Gudang.

Seramai 16 orang Ahli Majlis MPPG telah diraikan dalam majlis ini. Majlis dimulakan dengan bacaan doa, seterusnya ucapan dari Whip Parti MPPG, Encik Wan Hazan bin Amru diikuti oleh Tuan Haji Abdul Halim bin Dawam. Ucapan terakhir pula telah disampaikan oleh Whip Parti Ahli Majlis Encik Mohd bin Amatermin.

Yang Dipertua, Tuan Haji Zainor bin Adani turut menyampaikan ucapan penghargaan kepada barisan Ahli Majlis sesi 2018 hingga 2020 yang begitu komitmen dalam menjalankan tugas di zon masing-masing. Majlis penyampaian cenderahati penghargaan telah disampaikan oleh Yang Dipertua kepada barisan Ahli Majlis MPPG.

Majlis berakhir dengan jamuan minum petang dan sesi fotografi bersama.



Yang Dipertua bergambar bersama barisan Ahli Majlis yang hadir dalam majlis tersebut.

PROGRAM MESRA INDUSTRI PASIR GUDANG 2020

27 OGOS 2020
Grand Ballroom, Amansari Residence Resort

Barisan panel yang dipengerusikan
oleh Yang Dipertua MPPG,
Tuan Haji Zainor bin Adani.

PROGRAM TOWNHALL MESRA INDUSTRI MPPG 2020



PROGRAM INI TELAH DIADAKAN bertempat di Amansari Residence Resort pada 27 Ogos yang lalu. Program telah dirasmikan oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Zainor bin Adani. Hadir sama dalam program ini, Encik Mohd Rahim bin Amertemin, WHIP Parti Ahli Majlis MPPG, barisan Ahli Majlis, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap, Setiausaha MPPG serta Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MPPG.

Antara objektif *Townhall* Mesra Industri MPPG ini diadakan adalah sebagai satu platform berkongsi maklumat serta berkolaborasi pandangan dalam pelbagai aspek dan bidang yang berlaku di Pasir Gudang, khusus dalam bidang industri, kesihatan, keselamatan dan persekitaran alam sekitar bersama pihak industri dalam kawasan pentadbiran Pasir Gudang.

Tiga orang panel telah dijemput bagi memberi penerangan dan taklimat dalam program tersebut iaitu YBhg. Prof Madya Dr. Johari bin Surif, Pengarah Pusat Jaringan Komuniti dan Industri Universiti Teknologi Malaysia dengan tajuk ; Program *Flagship University For Society* (U4S) Pemulihan Semula Sungai Kim-Kim Pasir Gudang. Seterusnya taklimat kedua adalah berkaitan perkongsian berkaitan Pemuliharaan Alam Sekitar yang disampaikan oleh YBhg. Tuan Mohd Rashdan bin Topa, Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor. Sesi pembentangan terakhir pula bertajuk ; Taklimat Seksyen 17 (A) ASPRM yang disampaikan oleh YBhg. Penolong Kanan Pesuruhjaya Tuan Ridzuan bin Abd Malek, Timbalan Pengarah (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor.

Seterusnya penyampaian cenderahati penghargaan telah disampaikan oleh Yang Dipertua kepada ketiga-tiga ahli panel yang telah membuat pembentangan dalam program ini. Program diteruskan dengan sesi dialog yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani. Sebarang isu, perkongsian dan cadangan atau soalan dari wakil industri telah dipelawa untuk dibahas dan diusulkan dalam sesi dialog ini.



LENSA MPPG

JULAI & OGOS 2020



MAJLIS CABUTAN UNDI TAPAK TPPM DI BAWAH PERUNTUKAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) (9/7/2020)



SERAHAN KAD BANGI KEPADA YANG DIPERTUA DAN SETIAUSAHA MPPG (9/7/2020)



LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR (19/7/2020)



**LAWATAN YANG BERHORMAT TUN HAJI AYUB BIN JAMIL,
PENGURUS JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN NEGERI JOHOR (9/8/2020)**



MAJLIS PELANCARAN KEMPEN JOHOR PERANGI DENGGI (23/8/2020)



**MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) DAN
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
(30/8/2020)**



EDISI KHAS

KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE 63 MALAYSIA PRIHATIN



WALAUPUN NEGARA masih dalam fenomena pandemik covid-19 yang masih belum reda, semangat patriotik dalam suasana menyambut Hari Kebangsaan Negara yang ke-63 tidak pernah luntur dan sentiasa membara. Bersempena sambutan Hari Kebangsaan bagi tahun 2020 ini, Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah menganjurkan Pertandingan Keceriaan Bangunan. Tiga kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Bangunan agensi Kerajaan/ swasta/ rumah pangsa, kategori sekolah dan institusi pengajian serta kategori rumah individu. Berikut merupakan kemeriahan keceriaan yang dirakamkan oleh lensa kamera kami, sepanjang pertandingan berlangsung.

MALAYSIA PRIHATIN





PERTANDINGAN KECERIAAN BANGUNAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2020

PERTANDINGAN INI dijalankan bermula 16 hingga 31 Ogos 2020. Sebanyak tiga kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Individu, Kategori Agensi Swasta/ Kerajaan/ Rumah Pangsa serta Kategori Sekolah/ IPT/ Balai Komuniti.

Antara objektif program ini dianjurkan ialah bagi menyemarakkan semangat patriotik di kalangan masyarakat Pasir Gudang, mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat melalui aktiviti dan pertandingan secara berkumpulan serta memupuk semangat kemerdekaan dan cintakan negara di kalangan masyarakat Pasir Gudang melalui idea yang kreatif dan berinovasi.

Berikut merupakan senarai pemenang bagi setiap kategori :

i. Kategori Individu

Johan	: Kandapan A/L Murugesu
Naib Johan	: Juriah Binti Abdullah
Tempat Ketiga	: Razali Bin Abdul Jamal

ii. Kategori Agensi Kerajaan/ Swasta/ Rumah Pangsa

Johan	: Blok 43, Taman Cendana
Naib Johan	: Blok 40, Taman Cendana
Tempat Ketiga	: Blok 50, Taman Cendana

iii. Kategori Sekolah/ IPT/ Balai Komuniti

Johan	: Sek. Keb. Kota Masai 2
Naib Johan	: Sek. Keb. Kong-Kong Laut
Tempat Ketiga	: Sek. Men. Keb. Sungai Tiram

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang !.



Penyampaian Hadiah telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, Pn. Hajah Rahamah binti Mahmood.



LAWATAN

**YANG BERHORMAT TUAN HAJI AYOB BIN JAMIL,
PENGURUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI JOHOR**



YANG BERHORMAT telah sudi meluangkan masa bagi melawat beberapa Taman Komuniti di bawah pengurusan MPPG. Turut mengiringi Yang Berhormat dalam sesi lawatan ini, Yang Dipertua Tuan Haji Zainor bin Adani serta Setiausaha, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap.

Antara tempat yang dilawati ialah Kebun Komuniti di Taman Flora Height dan Taman Cendana Pasir Gudang. Yang terhormat turut diberi penerangan mengenai kaedah yang digunakan oleh komuniti setempat dalam menjalankan projek tanaman komuniti yang diusahakan. Pengusaha ternakan madu kelulut turut diusahakan di Taman Komuniti Flora Height. Seterusnya Yang Berhormat juga telah dibawa melawat Laman Extreme MPPG yang terletak berhampiran Stadium Perbandaran Pasir Gudang serta pintu gerbang masuk ke kawasan Pasir Gudang yang baru dibina.

MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN BANCII PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

MESYUARAT INI telah diadakan pada 6 Julai yang lalu bertempat di Dewan Cempaka Aras 20, Menara Aqabah. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua selaku Penolong Pesuruhjaya. Seramai 15 orang Penguasa Daerah (PD) telah dilantik bagi melaksanakan banci penduduk dan Perumahan Malaysia Daerah Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Mesyuarat dimulakan dengan perutusan Yang Dipertua, seterusnya pembentangan taklimat mengenai Pelaksanaan Operasi Banci Secara Online (Fasa 1) dan Pelaksanaan Operasi Banci Secara Temuduga Bersemuka (Fasa 2). Pelaksanaan banci bagi kedua-dua fasa dijangka akan selesai pada penghujung Oktober 2020.





TUAN HAJI ISMAIL BIN MAT TAIB

TUAN HAJI ISMAIL BIN MAT TAIB berasal dari Tanah Merah, Kelantan dan merupakan warga kerja MPPG yang bertugas sebagai Arkitek Gred (J48) di Jabatan Kawalan Bangunan. Beliau telah mula bertugas di MPPG pada 1 Disember 1991 sehingga 9 Ogos 2020. Tempoh perkhidmatan beliau adalah selama 29 tahun. Beliau pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2011 serta Sijil Penghargaan pada tahun 2006, 2007, 2009, 2015 dan 2018. Tuan Haji Ismail merupakan Setiausaha Agung Majlis Pelayang Malaysia dari tahun 1999 hingga kini juga sebagai Setiausaha Majlis Pelayang Johor dari tahun 1995 hingga 2020. Perkhidmatan terakhir beliau adalah di Jabatan Kejuruteraan MPPG.

Majlis Perbandaran Pasir Gudang mengucapkan “Selamat Bersara” kepada Tuan Haji Ismail bin Mat Taib.



TUAN HAJI HAMZAH BIN ALI

TUAN HAJI HAMZAH BIN ALI berasal dari Kampung Temiang, Muar, Johor dan merupakan warga kerja MPPG yang bertugas sebagai Pembantu Operasi Gred N11 di Jabatan Kesihatan Awam. Memulakan tugas pada 16 Jun 1994 dengan taraf pekerja sementara, kemudian dilantik sebagai Pekerja Rendah Awam berjawatan tetap pada 1 Januari 1995. Sepanjang tempoh 25 tahun berkhidmat di MPPG, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2018 serta Sijil Penghargaan pada tahun 2014.

Majlis Perbandaran Pasir Gudang mengucapkan “Selamat Bersara” kepada Tuan Haji Hamzah bin Ali.



Bengkel PELAN STRATEGIK MPPG 2021-2025

PELAN STRATEGIK MPPG 2021-2025 dirancang bagi perancangan untuk Pasir Gudang dalam tempoh lima tahun. Perancangan ini dilaksanakan dalam jangka masa pendek dan sederhana dalam mencapai visi jangka panjang MPPG. Pelan Strategik MPPG 2021-2025 ini menjelaskan fungsi dan perancangan bagi setiap Jabatan, Bahagian dan Unit MPPG yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat setempat dan *stakeholder*.

Pelan ini menggariskan projek dan aktiviti selaras dengan keperluan semasa masyarakat di Pasir Gudang. Pelan Strategik MPPG 2021-2025 juga mengambil kira teras Pelan Pembangunan Mampan Johor dan KPI PBT yang telah ditetapkan oleh SUKKT.

Bagi menyempurnakan Pelan Strategik MPPG 2021-2025, satu bengkel Pelan Strategik MPPG 2021-2025 telah diadakan bertempat di Desaru Coast, Bandar Penawar, Kota Tinggi yang dihadiri oleh jawatankuasa yang telah dilantik. Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor telah mempengerusikan bengkel yang telah diadakan. Sesi bengkel telah membincangkan peringkat Pelan Strategik yang akan dibentuk dan dibincangkan bersama kesemua jawatankuasa.



Peserta bengkel yang dilantik sebagai jawatankuasa mengikut teras yang telah ditetapkan.



MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PERMULAAN IPTA/IPTS FASA 4/2019

TARIKH
3 JULAI 2020
(JUMAAT)

MASA
11.00 PAGI

TEMPAT
PEJABAT YPG, ARAS 2,
MENARA AQABAH, MPPG

Program ini juga merupakan program bagi menghargai pelajar yang cemerlang dan melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan IPTS sepenuh masa dalam Malaysia. Latar belakang keluarga pelajar yang menerima adalah dalam golongan B40. Bantuan Permulaan IPT turut disampaikan kepada 9 orang pelajar yang akan menyambung pelajaran di peringkat IPTA/ IPTS. Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh En Sharul Akmal bin Johari, Pengurus Yayasan Pasir Gudang. Seramai 9 orang pelajar menerima manfaat daripada bantuan ini. Antara objektif adalah sebagai penghargaan dan satu bentuk bantuan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan IPTS sepenuh masa dalam Malaysia.



WALKABOUT PELANCARAN FOOD AID PROGRAMME MYKASIH 2020

TARIKH
11 JULAI 2020
(SABTU)

MASA
10.00 PAGI

TEMPAT
PASAR RAYA BESAR MYDIN,
TAMAN RINTING

Program ini merupakan program bantuan bulanan keperluan asas bernilai RM100.00 yang dikreditkan terus kepada kad pengenalan/ MyKad penerima bantuan. Seramai 70 orang penerima pelbagai bangsa terdiri daripada Orang Kelainan Upaya (OKU), pesakit kronik, ibu tunggal, warga emas dan keluarga kurang berkemampuan. Penerima mestilah beralamat tetap di kawasan pentadbiran MPPG dan tergolong dalam golongan miskin bandar. Tempoh bantuan adalah dari Jun 2020 hingga Ogos 2020.

Antara objektif program ini diadakan ialah bagi membantu meringankan kos sara hidup masyarakat setempat dengan pemberian bantuan barangan keperluan asas bulanan. Program ini merupakan program tajaan Syarikat Linde Malaysia.



MENZIARAHI BEBERAPA BUAH RUMAH DI TAMAN CENDANA BERSAMA YANG BERBAHAGIA DATUK SERI MOHAMAD KHALED BIN NORDIN

TARIKH
18 JULAI 2020
(SABTU)

MASA
10.00 PAGI

TEMPAT
KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN CENDANA

Program ini merupakan program meluangkan masa untuk menziarahi beberapa buah rumah setempat oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Mohamad Khaled bin Nordin selaku Pengerusi Yayasan Pasir Gudang. Sumbangan turut dihulurkan dan Yayasan Pasir Gudang berharap dapat digunakan sebaiknya bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh keluarga. Objektif program ini ialah bagi membantu meringankan kos sara hidup masyarakat setempat.



MAJLIS MAKAN MALAM UNDIAN KEJOHANAN PIALA YAYASAN PASIR GUDANG MOBILE LEGENDS BANG BANG

TARIKH
29 JULAI 2020
(RABU)

MASA
8.30 MALAM

TEMPAT
BZ STEAMBOAT, GRILL & SHELLMIX
TAMAN RINTING

Majlis Makan Malam Undian Kejohanan Piala Yayasan Pasir Gudang Mobile Legends Bang Bang telah dihadiri oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Mohamed Khaled bin Nordin merangkap Pengerusi Yayasan Pasir Gudang. Pusingan Akhir Kejohanan Piala Yayasan Pasir Gudang Mobile Legends Bang Bang ini telah berlangsung pada 9 Ogos 2020 (Ahad). Undian perlawanan juga diadakan pada malam tersebut.





LAMAN INFO

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

NOTIS MAKLUMAN

Pembukaan semula aktiviti Pasar Malam di bawah pengurusan pihak **PENGANJUR, FAMA dan PELADANG** bermula 5 Julai 2020.

Jadual waktu operasi pasar malam di bawah pengurusan pihak penganjur seperti di bawah :



HARI



WAKTU OPERASI



LOKASI

AHAD

7.00 pagi - 10.00 pagi

• Jalan Jagung, Masai

5.00 petang - 9.00 malam

• Sungai Masai
• Jalan Kijang, Taman Scientex
• Batu 18, Sungai Tiram

ISNIN

SELASA

RABU

KHAMIS

JUMAAT

SABTU

7.00 pagi - 10.00 pagi

5.00 petang - 9.00 malam

• Jalan Sena, Taman Rinting
• Batu 16, Kampung Sungai Tiram
• Taman Cendana

7.00 pagi - 10.00 pagi

5.00 petang - 9.00 malam

• Batu 18, Kampung Sungai Tiram
• Jalan Tasek 60, Bandar Seri Alam
• Jalan Mangga, Taman Kota Masai

• Jalan Pelanduk, Taman Scientex
• Jalan Perdagangan Damai

• Kompleks Pusat Bandar
• Jalan Pulasan, Taman Kota Masai

PERINGATAN :

Pengunjung diminta untuk mematuhi SOP dan arahan semasa yang telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan penganjur. Sekian, terima kasih.

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI :

BAHAGIAN PELESENAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
07-2547794 / 07-2547783 / 07-2547777

SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



TELEFON

07-254 7777



FAKS

07-251 5260



EMEL

mppg@johor.gov.my



SKUAD TINJAU

013-377 1710

APLIKASI MUDAH ALIH
DARIPADA KPKT



UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI

Majlis Perbandaran Pasir Gudang & Yang Dipertua MPPG